| RESEARCH AND INNOVATION | GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br>FELO PASCA DOKTORAL<br>UNIVERSITI SAINS MALAYSIA | | USM UNIVERSITI SAINS MALAYSIA APEX |
|---|---|---|---|

| BIL. | PERKARA | FELO PASCA DOKTORAL<br>*(PEMBIAYAAN USM)* | FELO PASCA DOKTORAL<br>*(PEMBIAYAAN GERAN PENYELIDIKAN/TAJAAN LUAR/SUMBER PTJ/TANPA PEMBIAYAAN)* |
|---|---|---|---|
| 1 | **NAMA SKIM** | Felo Pasca Doktoral (Pembiayaan USM) | Felo Pasca Doktoral (Geran Penyelidikan/Tajaan Luar/Sumber PTJ/Tanpa Pembiayaan)<br>***Geran Dalaman dan Geran Kementerian adalah tidak dibenarkan.***<br>***(tertakluk kepada syarat dan garis panduan serta kelulusan dari penaja)*** |
| 2 | **DEFINISI** | i. Felo Pasca Doktoral (FPD) adalah lantikan penyelidik lepasan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang boleh menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa ke arah kecemerlangan penyelidikan dan inovasi dalam sesuatu bidang penyelidikan bagi menghasilkan penulisan bahan ilmiah.<br>ii. Semua pelantikan/ pelantikan semula FPD yang menggunakan peruntukan USM adalah bergantung kepada kemampuan Universiti pada satu-satu masa yang akan ditawarkan melalui iklan pengambilan dari masa ke semasa.<br>iii. FPD dibayar honorarium/gaji secara pukal dan menggunakan Tabung Universiti Penyelidikan: R502-KRARP001-000AUPE002 atau mana-mana tabung pembiayaan lain Universiti yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa. | i. Felo pasca doktoral (FPD) adalah lantikan penyelidik lepasan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang boleh menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa ke arah kecemerlangan penyelidikan dan inovasi dalam sesuatu bidang penyelidikan bagi menghasilkan penulisan bahan ilmiah.<br>ii. Kadar sesuatu bayaran honorarium/gaji kepada FPD dan tempoh lantikan boleh ditentukan oleh penyelia berdasarkan kemampuan kewangan. |
| 3 | **SYARAT KELAYAKAN PENYELIA** | i. Merupakan **staf akademik warganegara yang bertaraf tetap** dan **disahkan di dalam jawatan**.<br>ii. Keutamaan akan diberikan kepada pensyarah berjawatan Profesor Madya dan ke atas.<br>iii. Melibatkan diri secara berterusan dalam penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan.<br>iv. Melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik dalam tempoh lima (5) tahun terkini.<br>v. Aktif di dalam penyelidikan dengan sentiasa menghasilkan output penyelidikan yang cemerlang dalam tiga (3) tahun terkini.<br>vi. Menerbit sekurang-kurangnya **tiga (3) penerbitan sebagai Penulis Utama (*Corresponding*)** atau **Penulis Pertama** dalam **tiga (3) tahun terkini** di dalam:<br>a. Bidang Sains<br>Jurnal berindek ***ISI Web of Science*** termasuk **satu (1) penerbitan di dalam Q1/ Q2 JCR**.<br>b. Bidang Bukan Sains<br>Jurnal berindeks ***SCOPUS*** termasuk **satu (1) satu penerbitan di dalam Q1/ Q2 *SCImago Journal Rank*** **(SJR)** atau **JCR. Keutamaan diberikan kepada penerbitan di dalam JCR.**<br>vii. Mempunyai **geran penyelidikan luar yang aktif** sebagai **ketua penyelidik** dan **tempoh baki minimum adalah enam (6) bulan** pada tarikh permohonan**.**<br>viii. Mempunyai pengalaman **mengijazahkan pelajar PhD sebagai Penyelia Utama** (sekurang-kurangnya satu (1) orang pelajar PhD) .<br>ix. Penyelia yang telah diluluskan cuti sabatikal (atau tidak lagi aktif di USM) tidak boleh memohon FPD. | i. Melibatkan diri secara berterusan dalam penyelidikan, penerbitan dan penyeliaan.<br>ii. Melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik dalam tempoh lima (5) tahun terkini.<br>iii. Lain-lain syarat seperti yang ditentukan oleh penaja. |

| BIL. | PERKARA | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN USM)* | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN GERAN PENYELIDIKAN/TAJAAN LUAR/SUMBER PTJ/TANPA PEMBIAYAAN)* |
|---|---|---|---|
| 4 | **SYARAT KELAYAKAN CALON** | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).<br>ii. Mempunyai merit akademik dan output penyelidikan yang baik dalam **tiga (3) tahun terkini** terutamanya penerbitan, iaitu:<br><br>a. Bidang Sains<br>**Dua (2) penerbitan** di dalam jurnal berindeks ***ISI Web of Science*** **Q1/Q2** di dalam ***Journal Citation Report*** **(JCR) sahaja** dengan **satu (1) daripada penerbitan sebagai Penulis Pertama**.<br>**ATAU**<br>**Satu (1) Paten.**<br><br>b. Bidang Bukan Sains<br>**Dua (2) penerbitan** di dalam jurnal berindeks **Scopus** di dalam **SCImago Journal Rank (SJR) atau (JCR)** dengan **satu (1) daripada penerbitan sebagai Penulis Pertama. Keutamaan diberikan kepada penerbitan di dalam JCR.**<br><br>iii. Bidang lantikan adalah terbuka dan perlu bersesuaian dengan penyelia yang telah dikenal pasti mengikut pusat pengajian/ pusat kecemerlangan. | i. Mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD).<br>ii. Lain-lain syarat seperti yang ditentukan oleh penaja. |
| 5 | **PELANTIKAN** | i. Taraf lantikan dikategorikan sebagai Felo.<br>ii. Tempoh **minimum** lantikan FPD adalah selama **satu (1) tahun.**<br>iii. Sepenuh masa di USM.<br>iv. FPD tidak dibenarkan untuk memegang jawatan lain samada di dalam atau di luar USM. | i. Taraf lantikan dikategorikan sebagai Felo.<br>ii. Tempoh lantikan minimum enam (6) bulan dan tidak melebihi tempoh maksimum keseluruhan lima (5) tahun.<br>iii. Sepenuh masa di USM |
| 6 | **PELANTIKAN SEMULA** | i. Pelantikan semula boleh dipertimbangkan (*tertakluk kepada pencapaian KPI*).<br>ii. Penyelia bertanggungjawab memastikan FPD mencapai KPI yang ditetapkan dan mengemukakan permohonan pelantikan semula FPD kepada Pegawai Pentadbiran – Sumber Manusia PTJ/ Bahagian Penyelidikan dan Inovasi tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat untuk pertimbangan.<br>iii. Pusat Pengajian perlu menyertakan kesemua laporan kemajuan FPD sepanjang tempoh lantikan untuk pertimbangan pelantikan semula FPD.<br>iv. Semua calon pelantikan semula boleh dipanggil untuk ditemuduga oleh Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia PTJ. | i. Penyelia bertanggungjawab memastikan FPD mencapai KPI yang ditetapkan dan mengemukakan permohonan pelantikan semula FPD kepada Pegawai Pentadbiran – Sumber Manusia PTJ/ Bahagian Penyelidikan dan Inovasi tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat untuk pertimbangan.<br>ii. Pusat Pengajian perlu menyertakan kesemua laporan kemajuan FPD sepanjang tempoh lantikan untuk pertimbangan pelantikan semula FPD.<br>iii. Semua calon pelantikan semula boleh dipanggil untuk ditemuduga oleh Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia PTJ. |

| BIL. | PERKARA | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN USM)* | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN GERAN PENYELIDIKAN/TAJAAN LUAR/SUMBER PTJ/TANPA PEMBIAYAAN)* |
|---|---|---|---|
| 7 | **SUMBER GAJI** | Dana Universiti | Dana Geran Penyelidikan/Tajaan Luar/Sumber PTJ/Tanpa Pembiayaan. *( Tertakluk kepada kecukupan peruntukan dana)* |
| 8 | **PENETAPAN GAJI** | Gaji bulanan RM5,500.00 sebulan.<br>*(Tidak termasuk cukai berjadual atau PCB dan caruman KWSP)* | Kadar bulanan yang telah ditetapkan oleh penaja<br>***Geran Dalaman dan Geran Kementerian adalah tidak dibenarkan.***<br>***(Tertakluk kepada syarat dan garis panduan serta kelulusan dari penaja)*** |
| 9 | **ELAUN** | Tiada | Tiada |
| 10 | **CUTI REHAT** | i. FPD layak menikmati Cuti Rehat empat belas (14) hari setahun.<br>ii. Cuti Rehat yang tidak digunakan adalah luput apabila sesuatu kontrak yang berkuat kuasa tamat.<br>iii. Permohonan Cuti Rehat perlu diluluskan oleh Dekan dan Penyelia. Sekiranya FPD mengambil cuti tanpa kelulusan, Universiti boleh menamatkan perkhidmatan FPD tersebut.<br>iv. FPD tidak layak memohon cuti-cuti lain.<br>v. Bayaran gaji/honorarium FPD akan diberhentikan sekiranya permohonan cuti selain cuti rehat melebihi empat belas (14) hari dari kelayakan dengan kelulusan Ketua Jabatan.<br>vi. Kemudahan cuti dikira secara prorata berdasarkan bulan berkhidmat. | i. FPD layak menikmati Cuti Rehat empat belas (14) hari setahun.<br>ii. Cuti Rehat yang tidak digunakan adalah luput apabila sesuatu kontrak yang berkuat kuasa tamat.<br>iii. Kemudahan cuti dikira secara prorata berdasarkan bulan berkhidmat. |
| 11 | **CUTI SAKIT** | Kelayakan Cuti Sakit adalah sebanyak tujuh (7) hari setahun. | Kelayakan Cuti Sakit adalah sebanyak tujuh (7) hari setahun. |
| 12 | **CUTI BERSALIN** | Tiada | Tiada |
| 13 | **KEMUDAHAN PERUBATAN** | i. Hanya layak menerima kemudahan perubatan di Pusat Sejahtera/Klinik IPPT/Hospital USM (HUSM).<br>ii. Semua kemudahan perkhidmatan hanya diberikan TERHAD kepada FPD sahaja dan tidak termasuk tanggungan. | iii. Hanya layak menerima kemudahan perubatan di Pusat Sejahtera/Klinik IPPT/Hospital USM (HUSM).<br>iv. Semua kemudahan perkhidmatan hanya diberikan TERHAD kepada FPD sahaja dan tidak termasuk tanggungan. |
| 14 | **KEMUDAHAN YANG TIDAK DITANGGUNG/ TIDAK DISEDIAKAN OLEH UNIVERSITI** | i. Penginapan dan pengangkutan.<br>ii. Urusan suami/isteri dan anak-anak FPD.<br>iii. Pendidikan anak-anak FPD.<br>iv. Semua yuran pemeriksaan perubatan.<br>v. Pelindungan insurans<br>*(FPD dinasihatkan untuk mengambil insurans kesihatan)*<br>vi. Kos pemeterian perjanjian dan visa.<br>vii. Bayaran Ganjaran/ Gratuiti.<br>viii. Ganjaran Cuti Rehat/ Award Wang Tunai (AWT).<br>ix. Caruman KWSP (Warganegara sahaja).<br>x. Bonus/Imbuhan. | i. Penginapan dan pengangkutan.<br>ii. Urusan suami/isteri dan anak-anak FPD.<br>iii. Pendidikan anak-anak FPD.<br>iv. Semua yuran pemeriksaan perubatan.<br>v. Pelindungan insurans<br>*(FPD dinasihatkan untuk mengambil insurans kesihatan)*<br>vi. Kos pemeterian perjanjian dan visa.<br>vii. Bayaran Ganjaran/ Gratuiti.<br>viii. Ganjaran Cuti Rehat/ Award Wang Tunai (AWT).<br>ix. Caruman KWSP (Warganegara sahaja).<br>x. Bonus/Imbuhan. |

| BIL. | PERKARA | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN USM)* | FELO PASCA DOKTORAL *(PEMBIAYAAN GERAN PENYELIDIKAN/TAJAAN LUAR/SUMBER PTJ/TANPA PEMBIAYAAN)* |
|---|---|---|---|
| 15 | **PENYELESAIAN CUKAI** | Felo Pasca Doktoral mestilah membuat penyelesaian cukai tidak lewat daripada tiga (3) bulan daripada tempoh penamatan lantikan. | Felo Pasca Doktoral mestilah membuat penyelesaian cukai tidak lewat daripada tiga (3) bulan daripada tempoh penamatan lantikan. |
| 16 | **PETUNJUK PRESTASI (KPI)** | a. **Bidang Sains**<br>Menghasilkan **dua (2) penerbitan** sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks ***ISI Web of Science*** **(Q1/Q2** di dalam ***Journal Citation Report*** **(JCR) sahaja)**.<br>b. **Bidang Bukan Sains**<br>Menghasilkan **dua (2) penerbitan** sebagai **Penulis Pertama** di dalam jurnal berindeks ***Scopus*** **(Q1/Q2** di dalam ***SCImago Journal Rank*** **(SJR) atau (JCR) . Penerbitan di dalam jurnal JCR amat digalakan**.<br>i. Penerbitan/KPI FPD akan diambil kira sebagai KPI tambahan kepada KPI sedia ada Penyelia yang telah ditetapkan Universiti.<br><br>KPI ini adalah kriteria utama penilaian dan pertimbangan bagi permohonan pelantikan semula (sekiranya ada). | Seperti yang ditetapkan oleh penaja. |
| 17 | **NOTIS BERHENTI KERJA** | i. FPD boleh meletak jawatan dengan memberi tiga puluh (30) hari notis atau dengan membayar balik satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis.<br>ii. Ketua Jabatan diberikan kuasa untuk meluluskan peletakan jawatan FPD dan disalinkan surat kelulusan tersebut ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dan Bahagian Sumber Manusia. | i. FPD boleh meletak jawatan dengan memberi tiga puluh (30) hari notis atau dengan membayar balik satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis.<br>ii. Ketua Jabatan diberikan kuasa untuk meluluskan peletakan jawatan FPD dan disalinkan surat kelulusan tersebut ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dan Bahagian Sumber Manusia. |
| 18 | **PENAMATAN** | Universiti dan FPD boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis secara bertulis dan perkhidmatan FPD boleh ditamatkan mengikut syarat-syarat berikut:<br>**i. Ditamatkan Dalam Tempoh Perkhidmatan**<br>Perkhidmatan FPD boleh ditamatkan dengan diberi tiga puluh (30) hari notis atau dibayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis tanpa diberi sebarang sebab.<br>**ii. Pengakuan Palsu**<br>Pihak universiti boleh menamatkan perkhidmatan FPD dengan serta merta sekiranya didapati mana-mana butiran atau maklumat yang dikemukakan semasa membuat permohonan bagi jawatan ini tidak benar, palsu dan sebagainya. | Universiti dan FPD boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi notis secara bertulis dan perkhidmatan FPD boleh ditamatkan mengikut syarat-syarat berikut:<br>**i. Ditamatkan Dalam Tempoh Perkhidmatan**<br>Perkhidmatan FPD boleh ditamatkan dengan diberi tiga puluh (30) hari notis atau dibayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis tanpa diberi sebarang sebab.<br>**ii. Pengakuan Palsu**<br>Pihak universiti boleh menamatkan perkhidmatan FPD dengan serta merta sekiranya didapati mana-mana butiran atau maklumat yang dikemukakan semasa membuat permohonan bagi jawatan ini tidak benar, palsu dan sebagainya. |